

## **KAD DEBIT DISKAUN-i SISWA 1 MALAYSIA (KADS1M DEBIT-i)**

### **Soalan-soalan Lazim (FAQ):**

**1. Apakah tujuan KADS1M DEBIT-i diwujudkan?**

- **KADS1M DEBIT-i** diwujudkan bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara.
- Melalui **KADS1M DEBIT-i**, para pelajar dapat menggunakannya sebagai Kad Debit di samping mendapat diskaun bagi pembelian barangan dan perkhidmatan Patuh Syariah yang terpilih, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

**2. Siapakah yang layak mendapat KADS1M DEBIT-i?**

- Semua pelajar IPT awam dan swasta yang mengikuti pengajian jangka panjang peringkat sijil, diploma atau ijazah ke atas yang tempoh masanya 1 tahun dan ke atas layak mendapat **KADS1M DEBIT-i**.
- Terpakai bagi pelajar-pelajar IPT yang diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian/Agensi lain yang berkaitan.
- Terhad untuk pelajar IPT Malaysia/Tempatan sahaja yang layak memohon **KADS1M DEBIT-i**.

**3. Bagaimanakah pelajar boleh mendapatkan KADS1M DEBIT-i?**

- Permohonan boleh dibuat secara online di [www.bankrakyat.com.my/bppt](http://www.bankrakyat.com.my/bppt)

**4. Di manakah dan bila KADS1M DEBIT-i yang dipohon boleh dituntut?**

- **KADS1M DEBIT-i** boleh dituntut di cawangan yang dipilih semasa proses permohonan secara atas talian dan pelajar boleh menuntut **KADS1M DEBIT-i** setelah menerima emel daripada pihak Bank.

**5. Adakah saya akan menerima Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) melalui KADS1M DEBIT-i?**

- **YA**, Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) akan dimasukkan ke Akaun Simpanan-i yang dihubungkan ke **KADS1M DEBIT-i**.

**6. Bagaimanakah cara penggunaan KADS1M DEBIT-i?**

- Pelajar boleh menggunakan **KADS1M DEBIT-i** pada mana-mana pedagang yang berdaftar di bawah KPDKK, Bank Rakyat dan MyDebit/MasterCard untuk mendapatkan diskaun.

**7. Apakah kelebihan KADS1M DEBIT-i berbanding KADS1M?**

- **KADS1M DEBIT-i** ditambah baik daripada KADS1M dengan menambah fungsi Kad COMBO-i. Melalui perkhidmatan Kad COMBO-i ini, transaksi boleh dilakukan di mana-mana pedagang yang berdaftar di bawah KPDKK, Bank Rakyat dan MyDebit/MasterCard. Ia mudah dan selamat untuk digunakan.

**8. Adakah KADS1M DEBIT-i boleh digunakan di luar Negara?**

- **YA.** Penggunaan **KADS1M DEBIT-i** diterima di semua pedagang yang menerima MasterCard yang terdapat di luar Negara. Tiada caj tambahan ke atas kadar pertukaran wang asing dikenakan.

**9. Apakah yang dimaksudkan amaun pra guna?**

- ✓ Transaksi yang dilaksanakan di stesen minyak, hotel mahupun hospital mungkin akan dikenakan amaun pra-guna, iaitu sejumlah amaun yang akan dibekukan daripada Akaun Simpanan-i pelanggan untuk pembayaran/ transaksi/ pembelian yang dilakukan. Amaun pra-guna ini adalah berdasarkan amaun transaksi ataupun satu jumlah yang ditetapkan oleh pedagang. Amaun pra-guna tersebut akan dikembalikan setelah pemprosesan *settlement* diterima daripada pedagang dan hanya amaun sebenar transaksi akan didebitkan daripada akaun simpanan.
- ✓ **PENTING:** Berdasarkan praktis industri, amaun pra-guna yang dikenakan bagi transaksi pembelian minyak yang dilakukan di terminal layan diri adalah sebanyak RM200. Amaun pra-guna ini tidak digunapakai bagi transaksi pembelian minyak yang dilakukan di kaunter juruwang.
- ✓ **CONTOH:** Untuk setiap pembelian minyak yang dilakukan di terminal layan diri, sebanyak RM200 akan dibekukan daripada Akaun Simpanan-i sehingga *settlement* diterima daripada pihak
- ✓ Untuk **MENGELAKKAN AMAUN PRA-GUNA**, pelanggan boleh memilih untuk:
  - Masukkan amaun sebenar pembelian minyak.
  - Membuat pembayaran di kaunter juruwang.

- ✓ Untuk kedua-dua cara di atas, amaun sebenar pembelian akan di  *earmak* daripada Akaun Simpanan-i sehingga  *settlement* diterima.

**10. Bolehkah saya menggunakan KADS1M DEBIT-i di pedagang tidak Patuh Syariah?**

- KADS1M DEBIT-i adalah kad yang berlandaskan Syariah dan transaksi di pedagang tidak Patuh Syariah akan disekat.

**11. Adakah KADS1M DEBIT-i mempunyai ciri-ciri transaksi tanpa sentuh?**

- Ya, KADS1M DEBIT-i mempunyai ciri-ciri transaksi tanpa sentuh.

**12. Apakah yang dimaksudkan transaksi tanpa sentuh?**

- KADS1M DEBIT-i hanya perlu disentuh di terminal pembayaran untuk melaksanakan transaksi. Tiada PIN diperlukan bagi transaksi tanpa sentuh.

**13. Adakah terdapat had bagi transaksi tanpa sentuh?**

- Had maksimum transaksi tanpa sentuh adalah RM 250 setiap transaksi.

**14. Apakah yang berlaku jika transaksi melebihi had yang ditetapkan?**

- Jika jumlah transaksi melebihi had yang ditetapkan, nombor PIN diperlukan untuk melengkapkan transaksi pembayaran.

**15. Bagaimanakah jika saya ingin menutup ciri-ciri transaksi tanpa sentuh?**

- Penutupan ciri-ciri transaksi tanpa sentuh boleh dilakukan di mana-mana ATM Bank Rakyat yang berdekatan.

**16. Apakah yang akan berlaku jika KADS1M DEBIT-i disentuh lebih daripada sekali secara tidak sengaja pada terminal pembayaran?**

- Terminal tanpa sentuh hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun KADS1M DEBIT-i disentuh lebih daripada sekali secara tidak sengaja, anda hanya akan dicaj sekali sahaja untuk urus niaga tersebut.

**17. Apakah yang berlaku sekiranya tanpa disedari KADS1M DEBIT-i berada hampir dengan terminal tanpa sentuh?**

- Bagi melaksanakan transaksi tanpa sentuh, **KADS1M DEBIT-i** mestilah berhampiran dengan terminal pembayaran tanpa sentuh. Di samping itu, juruwang akan diperlukan untuk memulakan transaksi di terminal tanpa sentuh. Jika juruwang tidak memproses transaksi, ia tidak akan membaca apa-apa kad tanpa sentuh yang dilayankan dengan tidak sengaja.

**18. Apakah yang akan berlaku jika penipu membaca KADS1M DEBIT-i dengan meletakkan terminal tanpa sentuh berhampiran dengan dompet saya?**

- Sekiranya berlaku di mana butir-butir keselamatan kad tanpa sentuh dibaca oleh penipu melalui terminal tanpa sentuh yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, terdapat ciri-ciri perlindungan ke atas butiran keselamatan kad untuk mengelakkan dipintas tanpa kebenaran. Setiap transaksi tanpa sentuh terdapat satu kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, di mana ia hanya boleh digunakan sekali sahaja dan dijana oleh cip dalam kad tanpa sentuh yang asal serta untuk menghalang kad palsu dihasilkan dari butiran keselamatan kad yang dipintas. Sekiranya berlaku penipuan, sila maklumkan kepada pihak Bank bagi mengelakkan penggunaan kad tanpa kebenaran dengan kadar segera.

**19. Bolehkah KADS1M yang masih sah ditukarkan kepada KADS1M DEBIT-i?**

- Ya ianya boleh.

**20. Bagaimanakah cara untuk menukar KADS1M kepada KADS1M DEBIT-i?**

- Sila rujuk perkara 3 di atas.

**21. Berapakah tempoh sah laku penggunaan KADS1M DEBIT-i?**

- Tempoh sah (*validity*) KADS1M DEBIT-i adalah selama 3 tahun.

22. Apakah perbezaan KADS1M DEBIT-i berbanding KADS1M?

CIRI-CIRI	KAD DISKAUN SISWA 1MALAYSIA	KAD DEBIT-i DISKAUN SISWA 1MALAYSIA
• Diskaun bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih	✓	✓
• Diterima di semua Pedagang-pedagang yang menyertai MyDebit / MasterCard seluruh dunia	X	✓
• Sama seperti kad kredit – boleh digunakan untuk pembelian runcit, transaksi Internet dan pengeluaran tunai di ATM di dalam negeri dan luar negara	X	✓
• Had pengeluaran tunai harian ditetapkan sebanyak RM3,000	X	✓
• Pindahan dana ke mana-mana Akaun Simpanan-i Bank Rakyat	X	✓
• Kemudahan <i>Interbank Fund Transfer</i> (IBFT)	X	✓

23. Bolehkah sekiranya siswazah memiliki KADS1M DEBIT-i dan Kad Combo-i Bank Rakyat dalam masa yang sama?

- Ya ianya dibenarkan kerana akaun simpanan untuk KADS1M Debit dan akaun simpanan Kad Combo-i Bank Rakyat adalah dua akaun yang berbeza. Cara permohonan rujuk Perkara 3.

**24. Apakah fi/caj yang dikenakan bagi KADS1M DEBIT?**

JENIS FI / CAJ	JUMLAH
Fi Pemprosesan permohonan	TIADA
Yuran tahunan	RM 5 untuk tahun pertama dan seterusnya, sepanjang tempoh sah kad (Fi ini akan dikenakan pada setiap tarikh ulang tahun kad tersebut).
Yuran keahlian	TIADA
Caj penggantian kad	RM 12
Fi perkhidmatan pengeluaran tunai di ATM Bank Rakyat	TIADA
Fi perkhidmatan pengeluaran tunai di ATM dan kaunter bank lain di dalam Malaysia.	RM 1*
Fi perkhidmatan pengeluaran tunai di ATM dan kaunter bank lain di luar Malaysia.	RM 12*
Salinan deraf jualan	RM 5.30
Salinan asal deraf jualan	RM 15.90
Salinan penyata	RM 5.30

- **NOTA** : \*6% GST ditanggung oleh Bank Rakyat.  
Caj yang dinyatakan adalah termasuk 6% GST sekiranya ada.

**25. Adakah yuran tahunan kekal RM 5 selepas pembaharuan kad (tamat tempoh KADS1M DEBIT-i) ?**

- Bagi pelajar yang telah tamat tempoh pengajian, selepas **KADS1M DEBIT-i** tamat tempoh, kad akan diperbaharui kepada Kad COMBO-i. Yuran tahunan yang akan dikenakan selepas itu adalah sebanyak RM 8.

**26. Sekiranya saya masih belajar selepas tarikh tamat tempoh KADS1M DEBIT-i, adakah saya masih layak untuk memohon semula?**

**LAYAK.** Pelajar masih boleh memohon untuk KADS1M DEBIT-i sekiranya masih belajar pada waktu tarikh tamat tempoh kad.

**27. Apa yang perlu dilakukan sekiranya kad hilang?**

- Sila hubungi **Pusat Panggilan** di talian **1300 80 5454** atau **Pusat Kad** di talian **03-26924600 (24 jam)** untuk sekatan kad. Permohonan penggantian boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berhampiran dengan menunjukkan Kad Pelajar dan Kad Pengenalan. Caj penggantian kad adalah sebanyak RM 12.

**28. Di manakah perlu saya membuat laporan sekiranya terdapat percanggahan/ masalah berkaitan dengan transaksi KADS1M DEBIT-i?**

- Aduan boleh dimajukan kepada mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan ATAU menghubungi **Pusat Panggilan** di talian **1300 80 5454** untuk melaporkan sebarang percanggahan transaksi. Laporan percanggahan transaksi perlu dibuat dengan kadar segera atau dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh aduan dilakukan.

**29. Bagaimanakah jika saya ingin membatalkan KADS1M DEBIT-i?**

- Pembatalan **KADS1M DEBIT-i** boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan ATAU menghubungi **Pusat Panggilan** di talian **1300 80 5454**.

**30. Syarikat-syarikat apakah yang menawarkan diskaun, berapakah kadar diskaun dan syarat-syarat yang dikenakan?**

- Maklumat lengkap berkaitan syarikat, kadar dan syarat diskaun boleh disemak di [kadsiswa.1pengguna.com](http://kadsiswa.1pengguna.com) atau [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)


**Pedagang:**

**1. Apakah faedah yang diperolehi oleh syarikat yang menyertai KADS1M DEBIT dan bagaimanakah syarikat lain yang berminat boleh menyertai KADS1M DEBIT-i?**

- Penyertaan syarikat adalah di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat / *Corporate Social Responsibility (CSR)* syarikat masing-masing dan Kerajaan tidak menanggung sebarang perbelanjaan berkaitan penyertaan syarikat dalam inisiatif **KADS1M DEBIT-i**.
- Syarikat yang menyertai **KADS1M DEBIT-i** akan dilibatkan dalam program / acara promosi bersesuaian yang dijalankan oleh **KADS1M DEBIT-i** dan Bank Rakyat berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

## 2. Bagaimanakah syarikat-syarikat lain yang berminat boleh menyertai KADS1M DEBIT-i?

- Syarikat yang berminat untuk menyertai **KADS1M DEBIT-i** perlu melengkapkan borang permohonan dan mengembalikannya kepada sekretariat **KADS1M DEBIT-i** bagi proses selanjutnya.



*Diskaun yang ditawarkan oleh syarikat yang mengambil bahagian tertakluk kepada kadar, terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat masing-masing.*

### Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

1. Pusat Panggilan di 1300 80 5454 / 03-26936880
2. Layari [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
3. Layari laman web **KADS1M DEBIT-i** di [kadsiswa.1pengguna.com](http://kadsiswa.1pengguna.com)

### Sekretariat KADS1M DEBIT:

- **Bank Rakyat**

Pembangunan Perniagaan Kad,  
Tingkat 18, Menara 1, MKBR  
No. 33 Jalan Rakyat  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-26129600 / 8568  
Faks : 03-22601121  
Emel:  
[mohd.azrul@bankrakyat.com.my](mailto:mohd.azrul@bankrakyat.com.my)

- **KPDNKK**

Bahagian Gerakan Kepenggunaan,  
Kementerian Perdagangan Dalam  
Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya, Malaysia  
Tel : +603-8882 5972 / 6446  
Faks : +603-8882 5983  
Emel: [kads1m@kpdnkk.gov.my](mailto:kads1m@kpdnkk.gov.my)